

04 JAN 2002

Cina-Naga/I

NAGA TERPANJANG PADA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA DI IPOH

IPOH, 4 Jan (Bernama) -- Seekor naga berukuran 153 meter, yang terpanjang pernah dibuat di Malaysia, akan menjadi tarikan utama pada acara sambutan Tahun Baru Cina peringkat kebangsaan yang akan diadakan di sini pada 16 Feb.

Naga itu, diperbuat daripada rotan, buluh, aluminium, kain dan kanvas dan seberat kira-kira 290kg, akan dipamerkan semasa sambutan itu dan dicatatkan dalam Malaysia Book of Records.

Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan MCA Perak Datuk Ong Ka Chuan berkata beliau percaya naga sepanjang 504 kaki itu yang mengambil masa sebulan untuk disiapkan mungkin juga merupakan naga terpanjang di dunia.

"Kami dimaklumkan bahawa Jackie Chan (bintang filem) membuat naga sepanjang 2,000 meter yang diletakkan di atas Tembok Besar China bagi menyambut Tahun Naga. Kami berasa sangsi kerana ia hanya untuk dipamerkan sedangkan yang kami punya boleh menari," katanya kepada pemebrita hari ini.

Di Malaysia, naga terpanjang pernah direkodkan setakat ini berukuran 386 kaki di Johor manakala terdapat seekor lagi berukuran 400 kaki di Singapura.

Ong berkata 15 pakar dari pelbagai persatuan Cina di negeri ini menyumbang tenaga secara sukarela untuk membuat naga itu yang mempunyai 58 bahagian yang disambungkan dengan batang besi.

"Kami perlukan 58 orang untuk menarikan naga itu pada satu-satu masa. Terdapat kira-kira 150 orang terlibat kerana kita perlu menggilirkan mereka setiap dua minit kerana beratnya itu," katanya.

Ong berkata Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan hadir pada sambutan itu manakala lebih 50,000 orang dijangka menyaksikannya.

Acara itu, serupa dengan sambutan Hari Raya baru-baru ini di Johor Baharu, dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan kerajaan negeri Perak.

Lebih 200 gerai akan menyediakan makanan percuma dan juga akan diserikan dengan persembahan kebudayaan oleh pelbagai kumpulan etnik di negara ini. Kumpulan tarian singa dari Muar yang menjuarai Pertandingan Tarian Singa Dunia juga akan membuat persembahan.

Ong berkata acara itu, yang akan diadakan di Padang Ipoh dari pukul 7 malam, juga akan dimeriahkan dengan pertunjukan bunga api selama 25 minit manakala kira-kira 1,000 pelancong dari seluruh dunia juga akan hadir pada acara itu.

-- BERNAMA

AR RHM